

B B856 AAB
MAHATHIR & R
(I)

KUALA LUMPUR, 13 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERITAHU INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN SUPAYA LEBIH BERSIMPATI KEPADA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH USAHAWAN BUMIPUTERA DAN MEMBANTU MEREKA DI MANA YANG BOLEH.

BELIAU JUGA MENGGESA BANK-BANK SUPAYA MENGADAKAN PROSEDUR BAGI UNIT-UNIT PEMULIHAN KHAS YANG DITUBUHKAN UNTUK MEMBANTU USAHAWAN BUMIPUTERA YANG MENGHADAPI MASALAH MEMBAYAR PINJAMAN MEREKA KERANA KEMELESETAN EKONOMI.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MEMPENGERUSIKAN DIALOG TERTUTUP ANTARA KERAJAAN, USAHAWAN BUMIPUTERA DAN WAKIL-WAKIL INSTITUSI KEWANGAN DI BANK NEGARA DI SINI.

MENURUT KENYATAAN BANK NEGARA, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGGESA PENIAGA DAN USAHAWAN BUMIPUTERA MENGUBAH SIKAP DENGAN TIDAK TERLALU BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN DAN MEMPERKETATKAN DISIPLIN KEWANGAN MEREKA.

DIALOG ITU IALAH SUSULAN KEPADA KEPUTUSAN MENTERI KEWANGAN, ENCIK DAIM ZAINUDDIN BARU-BARU INI BAHAWA BANK NEGARA AKAN MENKKAJI MASALAH-MASALAH USAHAWAN BUMIPUTERA DENGAN INSTITUSI KEWANGAN. -- LAGI

2142MST 13 07 87

D910

U B860 AAB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

MENURUT KENYATAAN ITU, PERDANA MENTERI MEMBERITAHU DIALOG BAHAWA KERAJAAN AKAN MENKKAJI PELBAGAI CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA TERMASUK MORATORIUM SELAMA DUA TAHUN BAGI PEMBAYARAN PINJAMAN DAN PEMBENTUKAN TABUNG PUSINGAN KHAS BAGI MEMBANTU USAHAWAN DAN SYARIKAT BUMIPUTERA YANG MENGHADAPI MASALAH.

ROMBONGAN DEWAN SERAMAI 36 ANGGOTA DIKETUAI OLEH PRESIDENNYA DR NAWAWI MAT AWIN.

PERKARA-PERKARA LAIN YANG DIBINCANGKAN TERMASUK CADANGAN UNDANG-UNDANG YANG SAMA DENGAN UNDANG-UNDANG AMERIKA SYARIKAT BAGI MELINDUNGI SYARIKAT-SYARIKAT DARIPADA TINDAKAN UNDANG-UNDANG BANK, PEMBENTUKAN SEBUAH LEMBAGA KEDUA BAGI USAHAWAN BUMIPUTERA DI PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR DAN MENKKAJI PROSEDUR TENDER BAGI MEMPERCEPATKAN PEMBAYARAN KEPADA USAHAWAN BUMIPUTERA.

YANG TURUT HADIR PADA DIALOG ITU IALAH ENCIK DAIM, MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, TIMBALAN MENTERI KEWANGAN SENATOR MOHAMED FARID ARIFFIN DAN GABENOR BANK NEGARA TAN SRI JAFFAR HUSSEIN DAN WAKIL-WAKIL PELBAGAI AGENSI KERAJAAN, MARA, BANK PEMBANGUNAN, PERBADANAN JAMINAN KREDIT, BANK RAKYAT, PERSATUAN BANK-BANK DAN PERSATUAN BANK-BANK SAUDAGAR. -- BERNAMA

2158MST 13 07 87